**Bil. S 50**

**AKTA PASPORT**
**(PENGGAL 146)**

**PERINTAH PASPORT (VISA) (PENGECUALIAN) (PINDAAN), 2005**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

**Perenggan**

**1.** Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

**2.** Pindaan Jadual Keempat dari S 2/85.

**3.** Tafsiran.

---

**AKTA PASPORT**
**(PENGGAL 146)**

**PERINTAH PASPORT (VISA) (PENGECUALIAN) (PINDAAN), 2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Pasport, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian) (Pindaan), 2005 dan hendaklah dianggap mula berjalan kuatkuasanya pada 19 haribulan Jun, 2005.

**Pindaan Jadual Keempat dari S 2/85.**

2. Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian), 1985, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dalam Jadual Keempat dengan menambah "REPUBLIK RAKYAT CHINA".

**Tafsiran.**

3. Bagi maksud-maksud Perintah utama, suatu pasport perkhidmatan yang sah yang dikeluarkan oleh Republik Rakyat China hendaklah dianggap sebagai pasport diplomatik atau rasmi yang sah.

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 20 haribulan Jun, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM